



**EDISI 9**  
JAN-MAC 2015

# Buletin **horizon**



**KUIS CONTOH TERBAIK  
SEBAGAI PUSAT  
KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN ISLAM**

**KUIS PILIHAN UTAMA  
PELAJAR LEPASAN SPM,  
STPM DAN STAM**

**:Inhiād**  
Sebagai Pusat Berdikari

**KENALI RAKAN SEKERJA ANDA**

**PUSAT PEMANTAPAN AKIDAH  
AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH,  
( PEMASWAJA ), AKADEMI ISLAM**

# Tinta Pengarang

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Alhamdulillah, dengan izinNya Buletin Horizon edisi ke-9 dapat diterbitkan. Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan penulisan, berita, gambar, tenaga kepakaran dan sebagainya dalam usaha menjadikan buletin ini salah satu sumber maklumat terkini berkaitan KUIS.

Fokus penerbitan kali ini ialah perkongsian pengalaman dan pandangan dari Pendaftar KUIS yang telah berkecimpung dalam industri pendidikan tinggi selama puluhan tahun. Ikuti pendapat beliau mengenai perbezaan tugas dan tanggungjawab sebagai Pendaftar di IPTS berbanding IPTA, kebijakan pekerja, harapan dan juga pandangan peribadi terhadap KUIS 10 tahun akan datang.

Buletin edisi ini juga memaparkan berita mengenai penubuhan Pusat Pemantapan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah di KUIS. Penubuhan pusat ini membuktikan kesungguhan KUIS dalam memperjuangkan aqidah ahli sunnah dan memastikan generasi Dai', Ulama dan Umara yang bakal dilahirkan KUIS mampu mendepani isu serangan pemikiran semasa di Malaysia.

Selain itu, buletin edisi ini dimuatkan dengan pelbagai berita menarik mengenai aktiviti kakitangan dan juga pelajar. Antaranya, penganjuran seminar dan persidangan, pemukiman atau retreat bahagian/jabatan, aktiviti pemasaran Sesi I 2015/ 2016, program Tautan Mahabbah KUIS-EKUITAS Bandung, Indonesia serta praktikum bakal guru didikan KUIS.

Selamat membaca.



Mokhtar Ismail

## SIDANG PENGARANG

### Penaung

Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

### Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

### Editor

Mokhtar Ismail  
Ani Abd Jalil

### Wartawan

Mohd Hanif Mat Noor  
Zahanim Ahmad  
Puziah binti Abd Wahab  
Mokhtar Ismail  
Ani Abd Jalil  
Siti Hawa Radin Eksan  
Puziah binti Abd Wahab  
Surianom Miskam  
Mohd Azizi Ahmad Siam  
Mohd Taufiq Fakhri Bin Abd Wafoor  
Nor Fadilah Bahari  
Rafiza Kasbun  
Julia Madzalan & Natasha Ariffin  
Jamal Shaik Abul Barakath  
Noorhuda binti Abdul Karim  
Azrina Hussin

### Perunding Grafik

Noor Hazian Abdullah

### Pembaca Pruf

Mazriyana Md Kasim

Sidang Pengarang menjemput semua kakitangan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang (April 2015). Penulisan boleh di emel ke info@kuis.edu.my . Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga prihatin kepada perkembangan KUIS.

# ISI KANDUNGAN

<b>KUIS Contoh Terbaik Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam</b>	<b>3</b>
<b>Seminar Serantua Pemikiran &amp; Peradaban Islam 2014 (ReCIT 2014)</b>	<b>5</b>
<b>Minggu Apresiasi Ilmu dan Bakat Pusat Pengajian Teras</b>	<b>6</b>
<b>Apa yang dimaksudkan dengan 3E di dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan</b>	<b>7</b>
<b>KUIS Pilihan Utama Pelajar Lepasan SPM, STPM dan STAM</b>	<b>8</b>
<b>Perbincangan meja bulat produk AR-Rahnu : Prrogram kerjasama Bank Rakyat dan Ircief</b>	<b>9</b>
<b>Apakah gaya anda membuat keputusan?</b>	<b>10</b>
<b>Kolokium Pengajian Usuluddin dan Multimedia 2015 (KoPUM 2015)</b>	<b>12</b>
<b>Majlis Penyampaian Sumbangan Fidyah oleh Pusat Zakat KUIS</b>	<b>13</b>
<b>Inhad Sebagai Pusat Berdikari</b>	<b>14</b>
<b>Aktiviti Pemasaran ke Thailand</b>	<b>15</b>
<b>Tautan Mahabbah di antara Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Ekuitas Bandung, Indonesia &amp; Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS.</b>	<b>16</b>
<b>FSTM KUIS lahirkan Usahawan Muda</b>	<b>17</b>
<b>Retreat MARCOM 2014</b>	<b>18</b>
<b>Retreat Bahagian Teknologi Maklumat</b>	<b>19</b>
<b>Sesi Praktikum membentuk peribadi Insan Guru</b>	<b>20</b>
<b>Pusat Pemantapan Akidah AHL Al-Sunnah Wa Al-Jamaah, (PEMASWAJA), Akademi Islam</b>	<b>21</b>
<b>Pelancaran Resource Area oleh Movement Club @ TESL Lajnah, Fakulti Pendidikan</b>	<b>22</b>
<b>Kenali Rakan Sekerja Anda</b>	<b>23</b>
<b>Senyum itu sedekah, bercakap perkara baik juga sedekah.</b>	<b>24</b>

## **KUIS CONTOH TERBAIK SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ISLAM**

**Wawancara Khas Pendaftar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) En. Abdul Karim bin Noh Shah bersama Timbalan Pengarah dan Penolong Pendaftar Bahagian Pemasaran dan Komunikasi Pn Ani bin Abd Jalil dan En. Mohd Hanif bin Mat Noor di Pejabat Pendaftar.**

Ikuti keterangan pandangan beliau berkenaan perubahan KUIS semenjak menjawat jawatan sebagai Pendaftar KUIS pada tahun 2010

### **PERBEZAAN PENGALAMAN PENDAFTAR DI IPTA (UPM) DAN IPTS (KUIS)**

Telah banyak pengalaman yang ditimba semasa beliau di Universiti Putra Malaysia (UPM). Jatuh bangun, suka duka semua dirasai dengan hati terbuka. Di sinilah tempat beliau meneroka dan mencari seberapa banyak pengalaman dan melalui peningkatan kerjaya demi pembangunan diri dan keluarga. Pelbagai perubahan UPM (dahulu dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia) ke arah yang lebih positif dalam melahirkan graduan yang berjaya dalam bidang masing-masing. Beliau mengakui UPM juga telah melahirkan ramai Ahli Profesional yang disegani dalam membangunkan negara.

Berbeza dengan UPM, yang mana pentadbiran diurus oleh UPM dan dikawal serta mendapat bantuan daripada kementerian dibawah Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya KUIS ditadbir urus oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Pengurusan KUIS. Manakala Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah KUIS ialah Dato' Menteri Besar Selangor, dan secara langsung berkait rapat dengan Kerajaan Negeri.

Sungguhpun pengalaman yang lama semasa di UPM dengan pelbagai perubahan yang signifikan, namun beliau merasakan KUIS adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang melahirkan Insan Ta'dib. Mahasiswa telah dididik dan diasuh mengikut acuan Islam demi pembangunan negara. Pendidikan Islam yang sebenar mampu menjadikan negara lebih maju dan disegani tanpa mengikut budaya barat yang jelas terpesong dari landasan hak sebagai insan di muka bumi Allah. Menurut beliau, KUIS boleh menjadi role-model kepada pusat pengajian tinggi lain yang terdapat di Malaysia. Penekanan Adab dikalangan mahasiswa serta pegawainya amat

memberi kesan yang positif dalam perkembangan syiar Islam di muka bumi Malaysia. Islam bukanlah hanya sebagai agama sahaja, tetapi juga sebagai panduan hidup (way of life) kepada seluruh bentuk peraturan, pentadbiran, sistem, ilmu, dan segala hal berkaitan kehidupan di dunia ini. KUIS mempunyai sistem pendidikan menyeluruh yang merangkumi pengisian duniawi dan ukhrawi serta menitikberatkan soal sahsiah, pergaulan, percambahan ilmu, pembelajaran, dan pentadbiran yang semestinya memberi nilai kepada generasi penerus pentadbiran negara kelak. Beliau juga menyatakan rasa bersyukur kerana KUIS bukan melahirkan kebolehpasaran graduan di industri, tetapi nilai akhlak yang ditonjolkan dan jati diri yang ditanam semasa di KUIS mampu dikenangkan. KUIS bukanlah tempat untuk melahirkan graduan untuk dipasarkan, tetapi graduan yang beradab dan berkemahiran yang paling dititikberatkan. Jika formula ini ditanam kepada setiap diri graduan maka graduan KUIS usah risau untuk mendapatkan peluang pekerjaan kelak. Beliau juga berseloroh menyatakan hasrat untuk formula ini turut diikuti dan ditiru oleh IPTA-IPTA di Malaysia. Inshaa Allah lebih ramai profesional Islam yang mementingkan Adab dan jati diri tinggi mampu dilahirkan.

### **KEBAJIKAN PEKERJA**

Setiap organisasi mempunyai insentif menarik untuk mengekalkan pekerja di sesebuah organisasi tempat mereka bekerja. Begitu juga dengan KUIS, kebajikan pekerja adalah perkara yang wajib dijaga. Beliau berpuas hati dengan apa yang telah KUIS beri kepada pekerja. Sebagai contoh kemudahan perubatan yang lebih menarik, SLAK dan SLAS untuk kemudahan menyambung pengajian, kemudahan potongan zakat dan wakaf, fasiliti dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, Persatuan Pekerja (seperti PERKIS dan PERKISDAR). Baru-baru ini pihak pengurusan KUIS serta Ahli Lembaga Pengarah KUIS telah bersetuju memberi kenaikan gaji 13% kepada semua pekerja KUIS yang mengikut terma kelayakan. Begitu juga dengan skim pencen yang akan di implementasi serta cuti pekerja yang tidak digunakan akan dibayar kepada tahun berikutnya.

Apa yang dilakukan oleh Pengurusan KUIS demi menarik minat pekerja untuk terus bekerja dengan lebih dedikasi dan bersemangat demi memajukan KUIS bermula sekarang. Pendaftar turut menyatakan pandangan berkaitan untuk mewujudkan pusat jagaan anak-anak staf, dengan cara ini staf tidak usah bimbang terhadap penjagaan anak dan juga kepada ibu-ibu lepas bersalin untuk menguruskan anak. Inshaa Allah berkat usaha KUIS ini nanti mampu menjaga dan mengeratkan institusi kekeluargaan staf.

### **HARAPAN TERHADAP KUIS**

Beliau amat mengharapkan terhadap perubahan yang lebih baik demi melahirkan para Da'i, Ulama dan Ulama. Sistem pendidikan dan pentadbiran sekarang telah banyak berubah ke arah yang lebih positif. Perubahan kepada lebih baik adalah penting agar manusia tidak terlalu selesa dengan kedudukan sekarang dan menjadikan seseorang sentiasa berfikir untuk menjadi lebih baik dari hari ke hari.

Selain berharap untuk mendapatkan status universiti penuh menjelang 2016, beliau amat mengharapkan KUIS terus dibantu dari segi kewangan, fasiliti, kemudahan dan khidmat nasihat daripada pihak berkaitan seperti, Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, MAIS, JAIS dan jabatan-jabatan yang terlibat. Ideologi politik perlu diketepikan dan beliau berharap KUIS tidak dilabel kepada parti politik tertentu. Ini adalah demi pembangunan pendidikan Islam dan perkembangan ilmu yang lebih teratur dan lebih baik agar dapat melahirkan lebih ramai profesional Islam di sektor-sektor awam dan swasta. Apa yang penting kata beliau adalah agenda pendidikan Islam perlu diutamakan sampai bila-bila.

Program-program pembangunan diri perlu diteruskan kepada staf KUIS agar terus dimotivaskan dengan perkara-perkara positif. Pendaftar KUIS amat menggalakkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang melibatkan khidmat ummah seperti bantuan anak-anak yatim, gelandangan, miskin, orang asli dan mangsa malapetaka (seperti banjir). Program khidmat ummah seharusnya men-

jadi agenda tetap di semua peringkat bahagian dan fakulti agar sumbang bakti kepada masyarakat ini dapat memberi peluang kehidupan kepada golongan yang memerlukan. Setiap program khidmat ummah perlu dirancang agar aktiviti berjalan dengan lebih teratur serta mencapai matlamatnya.



### **PANDANGAN PERIBADI TERHADAP KUIS 10 TAHUN AKAN DATANG**

Tahun ini genaplah 20 tahun penubuhan KUIS (dahulunya KISDAR) dalam peta pendidikan tinggi Islam di Malaysia. Perubahan demi perubahan telah dilakukan bukan sahaja meningkatkan sistem pentadbiran malah sistem pendidikan Islam yang lebih terancang. Pada pandangan peribadi beliau memandang KUIS mendapat status universiti penuh yang dikenali. Agenda utama iaitu universiti Islam perlu dikekalkan dan terus dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Dengan adanya MoU-MoU dengan institusi luar negara mampu menguatkan lagi hubungan antarabangsa kedua-dua pihak.

Kekuatan seorang Nakhoda dalam memacu sesuatu organisasi hingga ke puncak adalah sangat penting. Begitu juga pandangan peribadi beliau terhadap kepemimpinan masa akan datang haruslah lebih bersemangat agar segala agenda universiti dapat direalisasikan selaras dengan sistem pendidikan Islam yang menjamin keredhaan Allah swt. Kekuatan pemimpin juga sebagai lambang kejayaan kepada KUIS. Inshaa Allah saya doakan agar KUIS terus maju dan mampu melahirkan generasi pentadbir negara dan profesional Islam sejati kerana di sini lahirnya Da'i, Ulama dan Umara'.

Oleh :Zahanim Ahmad  
Setiusaha Minggu Apresiasi Ilmu Dan Bakat Sesi II 2015.

## **MINGGU APRESIASI ILMU DAN BAKAT PUSAT PENGAJIAN TERAS SESI II 2014/2015**

Sebagai pusat yang bertanggungjawab bagi menanamkan ilmu-ilmu fardhu ain dan ilmu persediaan di KUIS supaya para pelajar terlentur menjadi insan yang baik, Pusat Pengajian Teras, melalui tiga Jabatan yang mencerminkan sifat tamadun Islamiyat dan kesatuan dalam kepelbagaian iaitu Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Jabatan Bahasa dan Jabatan Peradbangan dan Potensi Insan telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mencungkil bakat dan membina keyakinan diri melalui program Minggu Apresiasi Ilmu & Bakat yang bertemakan Memartabat Akal Budi Memperteguh Sahsiah Diri.



Program yang julung – julung kali diadakan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar menzahirkan ilmu-ilmu yang dipelajari di PPT, dengan harapan ianya dapat meningkatkan kesedaran serta semangat para pelajar untuk terus meningkatkan ilmu-ilmu ini di sepanjang hayat, mengukuhkan ilmu bahasa yang dipelajari di dalam kelas dengan mengaplikasikannya di khalayak, memupuk kerjasama dalam kalangan pelajar untuk menjayakan sesuatu program, menyerlahkan bakat pelajar dalam aspek bahasa dan komunikasi, serta merapatkan ukhuwwah Islamiah di kalangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai program pengajian. Program ini telah dijadikan sebagai program tetap PPT dimana ianya akan diadakan pada setiap sesi pembelajaran akademik KUIS.



Program Minggu Apresiasi Ilmu dan Bakat ini telah berlangsung selama satu minggu dimana ianya bermula pada 4 Februari 2015 sehingga 12 Februari 2015 bertempat di Auditorium Dr Zainuddin Jaafar dan disekitar KUIS. Antara aktiviti yang dijalankan adalah program Bahasa Arab iaitu kalam jamaie, kamus arab bergambar dan lakonan bahasa arab. Ianya berbentuk pertandingan dan diadili oleh juri-juri yang dilantik. Program diteruskan lagi pada hari berikutnya iaitu dengan program Bahasa Inggeris dimana aktiviti seperti tongue twister competition, experiment and game booths, dan short film berlangsung.



Pengarah Pusat Pengajian Teras, Dr Hairol Anuar Mak Din bersama-sama timbalan-timbalan pengarah yang turut hadir melahirkan rasa bangga dan berpuas hati dengan intipati dan pengelolaan majlis. Pengarah PPT juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah di PPT kerana bersama-sama membantu dalam menzahirkan program ini dan tidak dilupakan para pelajar yang telah mempersiapkan pentas dengan sangat baik.

Sekitar Aktiviti bahasa Inggeris: Experiment and games booth.

Oleh : Puziah binti Abd Wahab  
Pengarah (ReCIT2014)

## SEMINAR SERANTAU PEMIKIRAN & PERADABAN ISLAM 2014 (ReCIT2014)

Putrajaya, 27 Oktober 2014 – Seminar Serantau Pemikiran & Peradaban Islam 2014 (ReCIT2014) telah diadakan di The Everly Hotel, Putrajaya. RECIT 2014 telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Teras (PPT), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Seminar yang bertemakan ‘Peradaban dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran Semasa’ ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, manakala Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri telah menyempurnakan perasmian penutup ReCIT2014 pada keesokan hari.

Penganjuran ReCIT2014 bertujuan untuk menjenamakan KUIS dalam medan ilmu selaras memperkayakan budaya diskusi intelektual dalam kalangan ahli akademik yang menyeberangi sempadan kepakaran yang berlainan dan dipersatukan dalam lingkungan sebagaimana yang terkandung dalam objektif seminar ini.

Seminar yang dijalankan selama 2 hari ini telah disertai oleh hampir 100 orang ahli akademik dari pelbagai bidang kepakaran, bertepatan dengan lapan subtema seminar iaitu Tamadun Islam dan Sejarah , Pengajaran Islam, Budaya dan Hubungan Etnik, Sains dan Teknologi, Ekonomi dan Pengurusan, Kenegaraan dan Politik, Bahasa dan Komunikasi serta Pendidikan.

Dua ucaptama ReCIT2014 telah disampaikan oleh tokoh akademik yang disegani iaitu Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud yang merupakan Pengarah CASIS, UTM, manakala seorang lagi penyampai ucaptama merupakan Penolong Professor di National University of Singapore (NUS), iaitu Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Khairudin Aljunied.

Selain pembentangan selari, seminar ini juga menganjurkan Pertandingan Pembentangan Poster Penyelidikan, yang mana pertandingan ini telah disertai oleh 16 kumpulan penyelidik. Tiga daripada kumpulan yang terbaik telah dipilih sebagai pemenang pingat emas, perak dan gangsa. Sebagai kesinambungan kepada ReCIT2014 yang merupakan seminar pertama yang telah berjaya dianjurkan, PPT akan meneruskan siri ReCIT yang berikutnya pada 2015 serta menjadikan ReCIT sebagai seminar tahunan anjuran PPT.



Penyampaian cenderamata untuk tetamu kehormat iaitu Dato Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa



Para juri menilai kualiti perbentangan poster yang dipertandingkan



Sesi pembentangan selari (parallel session)



Peserta, Pembentang dan Jawatankuasa pengatur ReCIT 2014 bergambar untuk kenangan.



Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud sedang menyampaikan ucaptama.

## APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN 3E

### DI DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Bandar Seri Putra – 01/01/2015, Membangunkan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah satu keperluan sebagaimana yang dituntut di dalam Akta Keselamatan dan Kesihsatan Pekerjaan 1994 demi untuk menjamin keselamatan, kesihatan, kebajikan serta keselesaan bukan sahaja pekerja tetapi juga untuk semua individu yang terlibat dalam aktiviti di sesuatu organisasi tersebut.

Antara konsep yang paling mudah yang diamalkan oleh kebanyakan organisasi dalam mempraktikkan amalan atau sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan ialah melalui konsep 3E.

3E merupakan ringkasan kepada education, engineering dan enforcement ataupun jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu menjadi pendidikan, kejuruteraan dan penguatkuasaan. Bagaimana mempraktikkan konsep 3E ini?

Melalui konsep E yang pertama iaitu, education(pendidikan) pihak majikan boleh menyampaikan maklumat berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui seminar, latihan, taklimat, perbincangan dan sebagainya. Ianya juga boleh diperluaskan kepada rangkaian komunikasi yang lain seperti hebahan melalui e-mel, papan kenyataan, papan –papan tanda serta buletin seperti mana yang sedang anda baca sekarang ini.

Melalui konsep ini, apa yang penting ialah proses penyampaian daripada majikan dan proses penerimaan , pemahaman dan seterusnya proses tindakan daripada pihak yang menerima maklumat tersebut. Sebagai contoh dalam proses latihan, jurulatih akan menunjuk ajar bagaimana melakukan sesuatu pekerjaan dengan cara yang selamat. Para peserta akan memahaminya, dan mengamalkan apa yang diajarkan itu di dalam melakukan pekerjaan mereka.

Konsep E yang kedua iaitu engineering (kejuruteraan) membawa kepada pengamalan cara kerja yang selamat berdasarkan penggunaan teknologi, peralatan serta mesin yang kurang berisiko terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja. Contoh yang paling mudah ketika ini ialah penggunaan komputer yang begitu meluas di pejabat dan para pekerja yang menggunakan komputer akan menggunakannya dalam keadaan

duduk. Jarang sekali kita lihat pekerja menggunakan komputer pejabat sambil berdiri.

Apa yang anda dapat rasakan selepas menggunakan komputer secara berterusan selama 4 jam? Mungkin ada yang merasakan lenguh pada sendi atau pedih pada mata dan sebagainya. Untuk mengelakkan simptom ini daripada berlaku beberapa proses kejuruteraan mudah biasanya diamalkan. Antaranya kerusi pejabat merupakan kerusi boleh laras yang boleh disesuaikan dengan fizikal manusia. Ini untuk menggalakkan darjah penglihatan ke komputer serta cara meletakkan tangan di atas meja selari dengan postur badan. Kenapa ia diaturkan sedemikian rupa? Supaya mengurangkan risiko untuk anda daripada cepat menjadi lenguh ketika menggunakan komputer dan dalam jangka panjang akan mengurangkan risiko masalah kesihatan. Begitu juga dengan penggunaan penapis skrin komputer. Tujuannya adalah untuk mengurangkan risiko masalah kesihatan dalam jangka panjang.

Konsep E yang terakhir ialah enforcement (penguatkuasaan). Melalui konsep ini majikan boleh membangunkan peraturan-peraturan keselamatan di tempat kerja dan menguatkuasakan peraturan tersebut. Barang siapa yang didapati melanggar peraturan keselamatan akan dikenakan tindakan menurut peruntukan undang-undang yang ada. Ini adalah konsep yang paling mudah dalam sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Peraturan dicipta untuk dipatuhi, maka yang engkar akan menerima hukuman.

Semoga penerangan tersebut akan memberi manfaat kepada kita semua.





# KUIS Pilihan Utama Pelajar Lepasan SPM, STPM dan STAM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan Islam di Malaysia yang telah bertapak di Selangor selama 20 tahun. KUIS sentiasa komited untuk menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta pusat penyelidikan terbaik yang menekankan Islam sebagai cara hidup (Ad-Deen).

Selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk menjadikan negara ini sebagai pusat sehenti (one-stop-centre) perkhidmatan pengajian tinggi di rantau Asia, KUIS mengorak langkah dengan penuh yakin untuk menjadi pilihan utama bagi calon pelajar tempatan dan antarabangsa. Pelbagai persiapan telah dan sedang direncanakan oleh KUIS melibatkan proses memperkasakan falsafah pendidikannya, memperbanyakkan program akademik berkualiti tinggi, meningkatkan keparakan pensyarah serta menyediakan prasarana pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang mencukupi.

KUIS berpegang kepada motto “Pemangkin Tradisi Ilmu” bagi menggambarkan bahawa hasrat utamanya adalah penyebaran ilmu kepada umat Islam di Malaysia dan juga seluruh dunia. KUIS menyediakan peluang pengajian tinggi yang terbaik kepada lepasan SPM, STPM dan STAM yang dahagakan ilmu naqli dan aqli sesuai dengan tuntutan syariat Islam. Harapan KUIS ialah untuk melahirkan insan yang menepati sifat-sifat dai, ulama dan umara serta berkebolehan memimpin masyarakat Islam (Ummah) dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam.

KUIS menawarkan program akademik yang menyeluruh, dari peringkat asasi sehingga doktor falsafah. Antara program akademik yang ditawarkan kepada orang ramai ialah pengajian Islam, pengurusan dan perniagaan, ekonomi dan kewangan Islam, pengajian bahasa (Inggeris, Arab, Mandarin, Jepun dan lain-lain), komunikasi, teknologi maklumat, multimedia dan juga pendidikan. Pelajar lepasan SPM, STPM dan STAM berpeluang memilih dari sejumlah 18 program ijazah sarjana muda, 25 program diploma, 5 program asasi dan 3 program pasca siswazah bagi

memenuhi keperluan pendidikan tinggi mereka. Semua program KUIS adalah berkualiti tinggi, memenuhi standard yang ditetapkan oleh industri pekerjaan yang berkaitan dan telah mendapat pengiktirafan dan akreditasi sepenuhnya dari MQA. Buktinya, lulusan KUIS telah diterima baik untuk bekerja dengan sektor awam (Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri) dan sektor swasta tempatan dan antarabangsa.

Demi mendidik para pelajar dan melahirkan graduan yang berkualiti dan berintegriti, KUIS telah melatih dan menyediakan seramai hampir 350 orang pensyarah pakar yang berdedikasi dalam bidang berkaitan. Mereka bertanggung-jawab melaksanakan semua proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta bersedia menyampaikan perkhidmatan pendidikan sepertimana diharapkan oleh para pelajar dan ibu-bapa untuk meramaikan lagi professional muslim yang bersifat dai, ulama dan umara.

Disamping itu, KUIS sentiasa memberikan perhatian kepada kebajikan pelajarnya. Kampus KUIS menjanjikan suasana pendidikan yang tenang dan mendamaikan, sesuai untuk semua pelajar menimba ilmu naqli dan aqli sehingga peringkat yang tertinggi. Prasarana utama seperti masjid, asrama kediaman pelajar, bangunan akademik dan perkhidmatan pelajar disediakan dalam kuantiti yang mencukupi dan sentiasa dipertingkatkan kualitinya. Begitu juga halnya dengan yuran akademik dan peperiksaan serta yuran penginapan yang berpatutan bagi memastikan semua pelajar mempunyai capaian yang terbaik kepada peluang pengajian tinggi di Malaysia.

KUIS sememangnya amat sesuai menjadi pilihan utama pelajar lulusan SPM, STPM dan STAM untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kerana mempunyai falsafah pendidikan yang mantap, program akademik berkualiti tinggi, keparakan pensyarah yang mencukupi dan prasarana pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang terbaik.

## Kolokium Pengajian Usuluddin dan Multimedia 2015 (KoPUM 2015)

Pada 12 & 13 Mac 2015, Jabatan Usuluddin telah melaksanakan program ilmu di peringkat Jabatan iaitu Kolokium Pengajian Usuluddin dan Multimedia 2015 (KoPUM 2015) yang memberi peluang kepada pelajar Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) membentangkan kertas kerja. Kolokium ini bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang dirasmikan oleh Dekan Pengajian Islam di Auditorium Said Ramadhan al-Buthi.

Program ini merupakan salah satu usaha yang berterusan dalam mendidik pelajar dan seiringan dengan fenomena kebangkitan Islam. Jabatan Usuluddin kali ini telah membuat penambahbaikan dengan melibatkan pembentangan dari kalangan pelajar tahun akhir untuk Latihan Ilmiah (tesis), Final Year Project 1 dan Final Year Project 2. Kolokium ini secara khusus membicarakan isu-isu pemikiran Islam semasa dan multimedia sama ada melalui penyelidikan secara kualitatif atau kuantitatif. Matlamat utama Jabatan Usuluddin mengadakan Kolokium ini adalah memberi peluang kepada pelajar mengemukakan hasil projek multimedia dan tesis mereka secara ilmiah dari sudut isu-isu semasa Islam dan juga multimedia.



Pelajar bersama Pensyarah Jabatan Usuluddin, Akademi Islam bergabung tenaga menjayakan KoPUM 2015



Hasil Kreativiti pelajar dipamerkan untuk tontonan orang ramai.

# Apakah gaya anda membuat keputusan?

Dalam seharian kita berhadapan dengan isu dan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan. Adakah anda tahu gaya anda membuat keputusan? Jawab 10 soalan di bawah dan sila jawab mengikut kesesuaian anda.

**1. Dalam pekerjaan ataupun kerja rumah, saya melihat kepada :**

- a. Hasil yang praktikal.
- b. Keputusan yang terbaik.
- c. Idea atau pendekatan yang kreatif.
- d. Kondisi kerja yang bagus.

**2. Saya suka bekerja dengan :**

- a. Sesuatu yang teknikal dan boleh dijelaskan.
- b. Sesuatu yang mempunyai kepelbagaiuan.
- c. Membenarkan saya bekerja sendiri dan kreatif.
- d. Melibatkan rakan yang lain.

**3. Saya minat bekerja dengan rakan yang**

- a. Bersemangat.
- b. Berkeupayaan dan tersusun.
- c. Terbuka dalam meberi idea baru.
- d. Bersetuju dan boleh dipercayai.

**4. Apabila berhadapan dengan masalah, saya akan :**

- a. Merujuk kepada kerja yang pernah dilakukan dalam sebelum ini.
- b. Membuat analisis yang tepat.
- c. Pertimbangkan kepelbagaiuan pendekatan kreatif.
- d. Merujuk persetujuan rakan lain.

**5. Saya sangat bagus dalam**

- a. Mengingati fakta dan angka.
- b. Menyelesaikan masalah kompleks.
- c. Melihat banyak kemungkinan dalam penyelesaian.
- d. Mendekati rakan lain.

**6. Apabila saya kesuntukan masa, saya akan**

- a. Membuat keputusan dan bertindak segera.
- b. Mengikuti perancangan yang telah disediakan.
- c. Mengambil sedikit masa dan tidak suka tekanan yang diberikan.
- d. Bertanya rakan lain untuk sokongan dan bimbingan.

Oleh : Siti Hawa Radin Eksan  
Fakulti Pengurusan Muamalah (FPM)

*Individu membuat keputusan dengan cara pendekatan yang berbeza. Pembezaan wujud dalam pendekatan yang digunakan dan terdapat empat jenis gaya membuat keputusan.*

**7. Dalam situasi social, saya lazimnya**

- a. Berbicara dengan yang lain
- b. Fikirkan apa yang telah dibincangkan
- c. Meninjau.
- d. Mendengar kepada perbualan sahaja.

**8. Rakan melihat saya sebagai**

- a. Agresif.
- b. Disiplin.
- c. Kreatif.
- d. Penyokong.

**9. Perkara yang saya tidak gemar**

- a. Sesuatu yang tidak dikawal.
- b. Melakukan kerja yang menjemuhan.
- c. Mengikut peraturan.
- d. Diabaikan oleh rakan lain.

**10. Keputusan yang saya ambil lazimnya**

- a. Praktikal.
- b. Sistematik dan abstract.
- c. Fleksible dan menyeluruh.
- d. Sensitif atas keperluan pihak lain.

## Skor dan penilaian



Kira berapa jumlah skor anda, jika jawapan banyak a, gaya anda membuat keputusan ialah jenis arahan (Directive). Jika jawapan anda banyak b, gaya membuat keputusan ialah analisis (Analytical), jika c jawapan yang banyak, anda mempunyai gaya konsep (Conceptual) dalam membuat keputusan dan jika pilihan jawapan anda adalah d, gaya anda ialah tingkah laku (Behavioral). Untuk penjelasan sila semak jadual sebelah :-

Arahan (Directive)	Analisis (Analytical)	Konsep (conceptual)	Tingkah laku (behavioral)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gemar membuat keputusan dengan segera dan cari jalan yang mudah, kerana dia tidak suka akan terlalu banyak maklumat yang merumitkan.</li> <li>• Hanya dua atau tiga pilihan alternatif sahaja untuk membuat pertimbangan.</li> <li>• Mrujuk garis panduanserta prosedur yang telah ditetapkan sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• keputusan berdasarkan analisis yang rumit dengan mendapatkan banyak pilihan dan maklumat.</li> <li>• sangat berhati-hati dalam membuat keputusan dan mahukan hasil yang terbaik.</li> <li>• membuat keputusan berdasarkan objektif, rasional dan data pengurusan.</li> <li>• sangat sukakan peyelesaian masalah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berorientasikan pencapaian kerana mempertimbangkan banyak pilihan alternatif dalam membuat keputusan.</li> <li>• melihat dari skop yang lebih luas</li> <li>• kreatif</li> <li>• lazimnya akan memberikan idea baru</li> <li>• pemikir yang <i>futuristic</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bagus dalam berkomunikasi dan sangat menyokong rakan lain.</li> <li>• memahami perasaan rakan yang lain sebelum membuat keputusan</li> <li>• keputusan bergantung kepada data yang terhad sahaja</li> <li>• sangat peka dengan pembangunan personal dalam membantu rakan mencapai matlamat.</li> </ul>



## PERBINCANGAN MEJA BULAT PRODUK AR-RAHNU : PROGRAM KERJASAMA BANK RAKYAT DAN IRCIEF

Bank Rakyat dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF) KUIS telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Produk Ar-Rahnu pada 30 Disember 2014 di Dewan Senat, KUIS dengan kehadiran 33 peserta yang terdiri daripada 11 ahli panel dan 19 pemerhati dari Bank Rakyat, Bank Islam, ISRA, YAPEIM, UIAM dan KUIS sendiri.

Para ahli panel yang terlibat ialah Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir (ISRA), Encik Burhanuddin Lukman (ISRA), Prof. Dr. Azman Mohd Noor (IIUM), Encik Wan Rumaizi Wan Husin (Bank Rakyat), Encik Abdullaah Jalil (Bank Rakyat), Prof. Madya Dr. Siti Salwani Razali (Bank Rakyat), Encik Mohd Nazri Chik (Bank Islam), Encik Hairul Fazli Mohammad Som (KUIS), Encik Khairul Anuar Ahmad (KUIS), dan Encik Ahmad Yani Ismail (KUIS).

Barisan pemerhati daripada KUIS terdiri daripada Encik Muhammad Subari Ramli, Puan Maffuza Mohd Salleh, Puan Sa'diah Abdul Karim, Puan Nurul Wajhi Ahmad, Dr. Nor Hakimah Haji Mohd Nor, Puan Farah Mohd Shahwahid, Puan Norhanizah Johari, Puan Nurhayati Abdul Ghani manakala Puan Nazifah Mustaffha dan Puan Marliana Abdullah bertindak sebagai pencatat resolusi.

Perbincangan bertajuk *Discussion on Ar-Rahnu of Bank Rakyat: Structure and Issues* ini diadakan dengan objektif utama untuk membincangkan dan mencari penyelesaian kepada isu-isu berkaitan produk Ar-Rahnu yang ditawarkan oleh Bank Rakyat. Program ini dirasmikan oleh Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri dan beliau dalam ucapannya merakamkan ucapan terima kasih kepada Bank Rakyat atas kepercayaan yang diberikan kepada IRCIEF untuk penganjuran program ini dan berharap semoga hubungan baik dan kerjasama antara Bank Rakyat dan IRCIEF khususnya dan KUIS secara umumnya akan berterusan pada masa depan.

Sesi perbincangan dikendalikan oleh Naib Presiden Pematuhan Syariah Bank Rakyat, Encik Mohd Zamerey bin Abdul Razak sebagai moderator bermula dari jam 9 pagi sehingga 4 petang. Pada akhir sesi, resolusi telah dicapai dan disepakati oleh para ahli panel dan pemerhati yang hadir sebagai penyelesaian kepada isu-isu berkaitan produk Ar-Rahnu.

Perbincangan Meja Bulat ini diharapkan akan menjadi langkah permulaan kepada ahli akademik KUIS untuk terus terlibat dalam perbincangan ilmu dengan ahli akademik IPTA dan pihak industri bagi meningkatkan kecemerlangan ahli akademik KUIS dalam bidang kepakaran masing-masing. Harapan IRCIEF agar perkongsian ilmu ini akan memberi sumbangan yang bermanfaat kepada sistem kewangan Islam di Malaysia dan ummah secara keseluruhannya.



Sesi perbincangan dua hala antara Bank Rakyat dengan IRCEIF berjalan lancar.



Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan) KUIS menyampaikan hadiah kepada Naib Pematuhan Presiden Syariah Bank Rakyat.

## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN FIDYAH OLEH PUSAT ZAKAT KUIS

Pada 18 November 2014 lalu berlangsungnya Majlis Penyampaian Sumbangan Fidyah yang bertempat di Masjid Al-Azhar KUIS. Staf KUIS yang terlibat terlebih dahulu bergotong-royong memasak jamuan untuk para hadirin bersama-sama para peserta Pencetus Ummah musim ke-2.

Majlis bermula pada jam 9.30 pagi dengan ucapan YBhg Prof. Dato' Dr Ab. Halim Tamuri, Rektor KUIS. Seramai 7 orang VIP yang hadir terdiri daripada wakil KUIS, Lzs, MMU, UKM, dan Bank Islam. Sumbangan fidyah ini diserahkan kepada seramai 280 orang penerima fidyah di kalangan pelajar KUIS. Dalam ucapan itu beliau menyeru kepada hadirin amembuat pembayaran zakatdi pusat zakat KUIS demi pembangunan pendidikan Islam.

Majlis diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh PU Yusuf untuk memberi tazkirah ringkas kepada para tetamu yang hadir. Penyampaian sumbangan fidyah di sampaikan oleh YBhg Prof. Dato' Dr Abdul Halim Tamuri, tetamu VIP dan beberapa orang dari kalangan peserta Pencetus Ummah musim kedua. Majlis berakhir sekitar jam 11.00 pagi dan para tetamu dijemput menikmati jamuan. Sesungguhnya tangan yang memberi lebih baik dari tangan yang menerima.



Sekitar Majlis Penyampaian Sumbangan Fidyah - suasana mesra dan ceria jelas terpancar.

# INHAD Sebagai Pusat Berdikari

Bermula pada 1 April 2008, dengan cetusan idea oleh Menteri Besar Selangor Dato' Seri Khir Toyo, INHAD atau Institut Kajian Hadis Selangor dilahirkan dan dioperasikan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Penubuhan institusi ini adalah untuk melahirkan satu pusat kajian ilmiah yang memberi khidmat kepada Hadis Nabawi dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengannya.

Setelah beberapa tahun beroperasi, ia akhirnya dilepaskan dan diserahkan sepenuhnya kepada pihak KUIS, kesan daripada perubahan pucuk pimpinan tertinggi kerajaan Negeri Selangor pada waktu itu.

Setelah berpindah tangan, INHAD tetap beroperasi walaupun identitinya sebagai Pusat Berdikari telah dikecilkan dan diserapkan di bawah pentadbiran Pusat Pembangunan dan Penyelidikan KUIS.

Melihat kepada kedudukan al-sunnah atau al-hadith yang sangat penting serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani berkaitan dengannya, satu institusi perlu diwujudkan sebagai pemacu kemajuannya. Maka, dibawah pengurusan rektor yang baru, Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri pada 1 Januari 2015, INHAD secara rasminya kembali beroperasi sebagai Pusat Berdikari dan kini dikenali Institut Kajian Hadith (INHAD).

Setelah dinaiktaraf sebagai Pusat Berdikari, INHAD kini mensasarkan perancangannya kepada dua pihak yang utama iaitu masyarakat dan warga akademik. Pelbagai program dan kelas pengajian telah dirancang untuk memberi manfaat yang optima kepada warga sasaran ini. Dalam masa yang sama aktiviti penyelidikan dan penghasilan buku-buku ilmiah akan diteruskan untuk memastikan kelangsungan institut ini sebagai institusi yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam memberikan khidmat hadis nabawi kepada dunia Islam serantau.

## MODEL INHAD

### 1. Penyelidikan

- INHAD memainkan peranan membentuk pasukan pengkaji hadis dan menggalakkan inovasi dalam bidang kajian dan penyelidikan hadis bagi memastikan usaha murni memartabatkan hadis Rasulullah s.a.w dapat direalisasikan.

2. Pembangunan dan Pengurusan Professional

- INHAD sebagai sebuah institut hadis yang memastikan kualiti perkhidmatan penyelidik dan usaha memberikan pemahaman hadis kepada ummah terus meningkat dari masa ke semasa. Ianya adalah melalui program wacana ilmu, muzakarah atau seminar yang akan dijalankan dan INHAD juga turut melakukan penambahbaikan program atau modul agar mampu memberi kesan yang baik kepada masyarakat serta melaksanakan pemantauan bagi memastikan perkembangan yang baik dan berterusan.

### 3. Latihan dan Perundingan

- Latihan khusus berkaitan hadis sebagai sebahagian daripada perkembangan kerjaya diberikan kepada kakitangan INHAD bagi bersama-sama menghasilkan penyelidikan, penterjemahan serta penulisan yang berkualiti tinggi. INHAD turut mengadakan kerjasama dengan IPTA/IPTS melalui penghantaran para pelajar untuk mengikuti latihan industri berkaitan hadis di INHAD.

"INHAD SEBAGAI HAB HADIS NUSANTARA DAN ANTARABANGSA"



Dari Kiri : Pn. Nur Afifah binti Abas (Penyelidik) , Pn. Rosni binti Wazir (Pengarah), En. Mohd Hakim bin Arshad (Pegawai Tadbir) Ust. Mohd Norzi bin Nasir (Timbalan Pengarah) Tiada dalam foto ialah : Ust. Syed Abdul Majid A-Ghouri (Felo Penyelidik Sosial Kanan)

## AKTIVITI PEMASARAN KE THAILAND (19-21 JANUARI 2015)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sentiasa membuka peluang pendidikan tinggi yang luas kepada calon pelajar antarabangsa terutamanya yang berasal dari negara-negara ASEAN. Salah sebuah negara ASEAN yang menjadi tumpuan utama KUIS ialah Thailand atau Siam (nama lama) yang merupakan jiran terdekat Malaysia di sebelah utara tanahair.

Berdasarkan statistik yang disediakan oleh pihak Kedutaan Thailand, jumlah penduduknya pada 2014 ialah seramai 62.5 juta orang. Jumlah ini menjadikan Thailand berada dikedudukan yang ke-20 penduduk teramai di dunia. Majoriti penduduknya beragama Buddha. Jumlah penduduk yang beragama Islam pula dianggarkan seramai 7.5 juta orang, bersamaan dengan 12% daripada keseluruhan rakyatnya. Islam merupakan agama yang mempunyai pengikut paling ramai bagi kumpulan minoriti rakyat Thailand.

KUIS telah melakukan pemasaran ke Bangkok, Thailand pada 19 hingga 21 Januari 2015 yang lalu. Pegawai KUIS yang menyertai aktiviti pemasaran kali ini ialah Ustaz Idris Hamdi (PPT) dan En. Mokthar Ismail (BPK). Pergerakan aktiviti pemasaran di Bangkok telah diuruskan oleh salah seorang guru yang bertugas di Sasnavidya School yang merupakan antara sekolah menengah Islam yang tertua di ibu negara Thailand.

Taklimat dan penerangan mengenai KUIS, edaran brosur dan tayangan video promosi telah diberikan kepada para guru, pegawai dan calon pelajar Thailand yang ditemui di lokasi berikut sepanjang tiga hari pemasaran:

1. Sasnavidya School
2. Sasana Business Administration and Vocational College
3. Tait Suksa School, Nonthaburi
4. Santichon Islamic School
5. Bangkok Vidya School
6. Sasana Patham School
7. Nong Chok Phittaya Nusorn School
8. Thai Muslim TV (TMTV) Headquarter
9. Islamic Centre of Thailand
10. Sheikhul Islam of Thailand Office

Secara umumnya, calon pelajar yang ditemui menunjukkan minat untuk menyambung pengajian tinggi di KUIS sekiranya berpeluang. Mereka juga semakin teruja untuk belajar di KUIS apabila difahamkan bahawa jarak diantara kampung halaman mereka di Bangkok dengan KUIS adalah sangat dekat - hanya dua jam perjalanan melalui pengangkutan udara dari lapangan terbang Don Mueang ke KLIA2.

Dari pemerhatian pegawai pemasaran KUIS yang ke sana, sebahagian besar calon pelajar dari Thailand amat memerlukan kursus pendek bahasa Inggeris sebelum mengikuti program pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda. KUIS telah pun mempunyai mekanisma tersendiri untuk memenuhi permintaan ini melalui penglibatan pihak KUISCELL yang menawarkan kursus seumpamanya dari semasa ke semasa.

Sama-sama kita doakan jumlah pelajar antarabangsa dari Thailand bertambah mulai Sesi I 2015/ 2016.



Bertukar cenderahati antara KUIS dengan Islamic Center of Thailand



Ustaz Idris Hamdi sedang memberi penerangan kepada pelajar Bangkok Vidya School.

## TAUTAN MAHABBAH DI ANTARA SEKOLAH TINGGI ILMU EKONOMI EKUITAS BANDUNG, INDONESIA & FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH (KUIS)

Pada tarikh 22 Februari 2015 hingga 8 Mac 2015 Fakulti Pengurusan Muamalah telah menerima kunjungan daripada pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Ekuitas Bandung seramai 14 orang pelajar dan diiringi 5 orang guru pengiring. Program ini diperkenalkan oleh Dr. Mokmin Bin Basri (Timbalan Rektor Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni) dalam usaha untuk mempromosi dan memperkenalkan KUIS ke luar negara. Disamping itu dengan terlaksananya program ini para pelajar dan tenaga pengajar dapat bertukar-tukar pandangan berkaitan perkembangan kewangan Islam di Indonesia dan Malaysia.

Sepanjang kunjungan dua minggu mereka di KUIS, Jabatan Perbankan dan Kewangan Fakulti Pengurusan Muamalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini. Pelbagai program telah dilaksanakan antaranya ialah:

1. Perjumpaan bersama barisan Pentadbiran Tertinggi KUIS.
2. Para pelajar daripada EKUITAS dibenarkan untuk masuk ke kelas untuk belajar bersama pelajar Kuis. Disini banyak perkongsian ilmu telah dilakukan.

3. Pertemuan bersama Dekan FPM, Dr. Norhakimah memberi sedikit taklimat berkaitan struktur pengajian di KUIS.
4. Lawatan ke International Islamic Research Academy (ISRA) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM)
5. Program Sarjana Tamu- Penceramah Jemputan daripada wakil EKUITAS
6. Jamuan Diamond Hi-TEA IBFC dan EKUITAS. Kedua - dua membuat persembahan.
7. 30 minit bersamaan Ust.Don Daniyal.
8. Pelbagai lawatan ke tempat-tempat menarik seperti aktiviti berbasikal di tasik botani, KLCC dan lain-lain lagi.
9. Program terakhir adalah Jamuan BBQ bersama Ajk program dan pelajar EKUITAS.

Program ini dilihat sangat memberi impak positif kepada Fakulti Pengurusan Muamalah khususnya dan amnya KUIS sendiri dalam mewujudkan hubungan dan jaringan kerjasama akademik diantara KUIS dan EKUITAS. Diharap kerjasama erat yang terjalin dapat dikekalkan dan kedua-dua institusi mendapat kebaikan di masa hadapan kelak. Semoga program seperti ini dapat dilakukan lagi pada masa akan datang dengan institusi di negara lain juga.



Pengisian nasihat dan panduan agama oleh Ustaz Don Daniyal



Gambar kenangan di RTM, Selamat Pagi Malaysia

## FSTM KUIS Lahirkan Usahawan Muda

Pada 4 dan 5 Mac 2015 lalu, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FSTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menganjurkan Program Hari Usahawan FSTM 2015 (PHU '15) berlangsung di ruang parkir Masjid Al-Azhar KUIS. Program ini dijayakan seramai 43 orang mahasiswa dan mahasiswi Semester 6 kursus Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) dengan jualan pelbagai jenis juadah dan minuman.

Pengarah Program PHU '15, Puan Rafiza Kasbun selaku Ketua Jabatan Multimedia FSTM berkata program adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep perniagaan dan sekaligus membolehkan pelajar bersedia menghadapi realiti kehidupan pada masa akan datang yang semestinya banyak persaingan samada dalam bidang kerjaya IT maupun perniagaan. Selain itu, ia bertujuan membentuk adab dan akhlak dalam muamalah dan dakwah bagi pelajar-pelajar tersebut mengadapatasikan ia di dalam kehidupan bermasyarakat sebagai kelangsungan hidup di zaman yang serba mencabar kini.

Program yang berlangsung selama 2 hari ini turut memberi pendedahan tentang kewajipan setiap pelajar membayar zakat hasil dari keuntungan jualan mereka sebagai menjalankan tanggungjawab mereka di sisi agama. Seorang pelajar Nur Anis Mohd Rejab, menyatakan keterujaan beliau dengan penglibatan di dalam PHU '15 ini kerana ia mengutuhkan semangat membina dan penyerapan nilai-nilai murni seperti bantu-membantu dan kerjasama yang utuh antara ahli kumpulan.

Menurut Dekan FSTM, Dr. Noor Azli Mohamed Masrop, penganjuran PHU '15 ini sangat membuka mata dan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar FSTM mengenai betapa pentingnya mempelajari ilmu perniagaan yang dituntut di dalam Islam kerana ia akan melengkapkan diri pelajar dengan ilmu perniagaan jika sekalipun pelajar tidak dapat mencari kerjaya di dalam bidang IT selepas tamat pengajian.



Sebahagian pelajar FSTM yang terlibat menjayakan Program Hari Usahawan FSTM 2015

# RETREAT MARCOM 2014

Bandar Seri Putra – 01/01/2015, Membangunkan Perancangan program Retreat MARCOM telah dimulakan dari awal bulan November 2014. Ia adalah saranan daripada Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Pembangunan dan Pengantarabangsaan bagi kakitangan MARCOM menjalankan program Retreat untuk mencapai objektif berikut:

1. Menilai semula program promosi yang telah dijalankan dari sudut positive dan negative semenjak MARCOM ditubuhkan.
2. Mengadakan bengkel bagi merancang program promosi yang akan dijalankan bagi tahun 2015/2016.
3. Membukukan program yang telah dirancang sebagai garis panduan kerja sepanjang tahun.

Program Retreat MARCOM telah diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di Colmar Tropicalle, Bukit Tinggi, Pahang Darul Makmur. Seramai 13 orang kakitangan termasuk 2 orang kakitangan Pejabat Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Pembangunan dan Pengantarabangsaan telah hadir bersama-sama. En. Mokthar Hj. Ismail sebagai Fasilitator program telah berjaya merealisasikan objektif program dengan menghasilkan Takwim MARCOM 2015 sebagai panduan kerja sepanjang tahun. Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri hadir bersama isteri bagi menyuntik semangat dan memberi motivasi kepada warga kerja MARCOM untuk menjalankan aktiviti kerja 2015 bagi mencapai bilangan pelajar mendaftar di KUIS seramai 5,000 orang.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Menetapkan dan menyediakan Piagam Perkhidmatan.
2. Menetapkan dan menyediakan Diskripsi tugas dan core services setiap kakitangan.
3. Menetapkan dan menyediakan KPI MARCOM, KPI setiap Unit dan KPI setiap kakitangan.
4. Menyediakan Standard Operating Procedures (SOP) untuk semua perkhidmatan di setiap unit.
5. Menyediakan Takwim MARCOM 2015.
6. Menyediakan fail meja berkaitan perkara di atas.

Semua Unit di bawah MARCOM telah memperincikan data-data dan keperluan asas sebelum menyertai Program Retreat agar proses gerak-kerja berjalan dengan lebih lancar. Program Retreat MARCOM telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan akan membukukan Takwim MARCOM 2015 sebagai rujukan dan landasan gerak-kerja sepanjang tahun.



Pegawai MARCOM bersama Dato' Rektor dan Isteri.



Memerah otak menyediakan task yang diberi.



Pegawai MARCOM bersedia untuk menyertai "mencari harta karun" di persekitaran Colmar sebagai acara penutup.

## *Retreat Bahagian Teknologi Maklumat*

ICT merupakan salah satu Pelan Strategik KUIS dalam menuju ke arah status universiti menjelang 2016. Objektif strategiknya adalah memperkasa pengurusan ICT untuk mencapai sistem penyampaian perkhidmatan dan operasi yang berkesan.

Bagi memastikan objektif tersebut tercapai, buat julung-julung kalinya Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah mengadakan sanggar kerja (RETREAT) pada 6 hingga 8 Mac 2015 bertempat di Mahkota Hotel, Melaka.

Pembukaan RETREAT BTM telah dirasmikan oleh Timbalan Pendaftar, Encik Zulhizzam bin Hamzah. Beliau telah memberikan garis panduan bagaimana RETREAT boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan produktiviti BTM.

Warga kerja BTM dengan komited bermuhasabah menilai kekuatan dan kelemahan BTM, memahami cabaran dan halatuju KUIS dan membincangkan pembangunan ICT KUIS amnya dan penambahbaikan proses kerja BTM khasnya agar lebih mapan dan berdaya saing.

Selain itu, BTM turut menetapkan target dan perancangan 2015 berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pelan tindakan ICT di dalam Pelan Strategik KUIS. Draf akhir Polisi ICT KUIS turut menjadi agenda utama di dalam RETREAT BTM kali ini.

RETREAT BTM diakhiri dengan pembentangan daripada setiap seksyen dan ucapan daripada Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan), Dr. Mohamad Syukri bin Abdul Rahman. Beliau turut menekankan perlunya peranan BTM dalam mencapai wawasan pendidikan di KUIS dan kerjasama di semua peringkat bagi merealisasikan perancangan dan penambahbaikan yang dibincangkan di dalam RETREAT tersebut. Syabas BTM!

Suasana semasa Retreat BTM - KUIS



# SESI PRAKTIKUM MEMBENTUK PERIBADI INSAN GURU

Untuk kesekian kalinya, pelajar-pelajar semester akhir bagi program Diploma Perguruan Fakulti Pendidikan melalui sesi praktikum – iaitu satu tempoh pencerapan klinikal bagi mengajar di sekolah-sekolah rendah agama dan sekolah rendah agama integrasi di seluruh negeri Selangor. Sesi praktikum ini memberi sepenuh pendedahan dan keterlibatan para guru pelatih di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Selain daripada itu, mereka turut dikehendaki untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti anjuran sekolah. Antaranya, menjadi guru pembimbing untuk acara-acara sekolah seperti melatih kumpulan nasyid sekolah untuk pertandingan Amal Islami, melatih pasukan sukan seperti bola jaring dan bola tampar, menjadi fasilitator untuk acara sambutan keraian di sekolah, fasilitator untuk kem-kem kemahiran belajar di sekolah dan banyak lagi. Pendedahan ini dilihat sebagai satu nilai tambah untuk menyediakan para guru pelatih untuk menceburi bidang pendidikan sebagai kerjaya profesional mereka pada masa akan datang.

Selain daripada meningkatkan kemahiran pengajaran di sekolah, sesi praktikum ini juga dapat membantu para guru pelatih agar mengasah kemahiran komunikasi dan elemen soft skills di dalam diri masing-masing terutamanya dalam aspek komunikasi dengan guru-guru di sekolah dan para kakitangan sekolah. Persediaan rapi sebelum ke kelas adalah perlu dan ini dapat dilihat melalui penyediaan rancangan pengajaran dan portfolio para guru pelatih yang menjadi panduan mereka apabila mengajar di dalam kelas.

Latihan dan bimbingan yang diterima sewaktu belajar di Fakulti Pendidikan turut membantu para pelajar dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang memudahkan lagi proses P&P di dalam kelas. Secara keseluruhannya, sesi praktikum ini dapat melahirkan pendidik berkualiti yang menjadi rebutan para pentadbir sekolah dan seterusnya menjadi aset berharga kepada dunia pendidikan di Malaysia.



Guru pelatih bergambar bersama pasukan bola sepak sekolah.



Guru pelatih bertanyakan sesuatu kepada staf sekolah.



Guru pelatih mengajar di dalam kelas.

## **PUSAT PEMANTAPAN AKIDAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH, ( PEMASWAJA ), AKADEMI ISLAM**

Pusat Pemantapan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah (PEMASWAJA), Akademi Islam bermula hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS yang pada peringkat awalnya dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Pusat Latihan Pendakwah.

Idea penubuhan Pusat ini telah dicetuskan dalam beberapa siri simposium, persidangan dan muzakarah antaranya Simposium Pemerksaan Dakwah pada 2008 yang telah dianjurkan oleh MAIS, JAIS dan KUIS di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor, Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mualaf 2013 ( ICMuD ) yang telah diadakan pada 07hb. September 2013 di KUIS dan Muzakarah Pakar yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) pada 14 November 2013 bersamaan 10 Muharram 1435 yang bertajuk "Mendepani Agenda Kristianisasi".

Kertas Cadangan Penubuhan Pusat ini telah dibentangkan dalam Bengkel yang telah diadakan pada 20 Februari 2014 di Akademi Islam KUIS. Bengkel telah disertai oleh pegawai-pegawai dari MAIS, JAIS, JAKIM, dan Ngo's.

Cadangan penubuhan Pusat ini dirangka untuk memperkisasikan pusat penyelidikan Akidah dan latihan dakwah. Pusat ini juga dirancang menyuburkan lagi budaya ilmu dan usaha dakwah melalui pendekatan akademik dan seterusnya mendominasi survival Islam dan umat Islam.



Objektif Penubuhan Pusat Pemantapan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah, Akademi Islam ini bertujuan untuk dijadikan ianya sebagai sebuah pusat kajian akidah dan latihan dakwah yang berorientasikan pada sumber akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah serta keunggulan akhlak dan akademik sebagai tunjang Islam bagi mendepani isu serangan pemikiran semasa di Malaysia. Selain itu, tanggungjawab dan tugas menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam sebagai salah satu wadah dan platform untuk memperkenalkan Islam kepada semua golongan dan peringkat. Objektif utama penubuhan Pusat di bawah pengurusan Akademi Islam, KUIS ini adalah seperti berikut :-

- i. Pemantapan akidah.
- ii. Pengkaderan pendakwah khususnya kepada golongan non-muslim.

Sehubungan dengan itu, justifikasi pihak Akademi Islam mencadangkan supaya Pusat ini dapat ditubuhkan adalah untuk dijadikan pemangkin dan pencetus terhadap kesedaran penghayatan akidah yang benar serta tuntutan tanggungjawab berdakwah sebagai suatu kewajipan dalam diri setiap umat dan anggota masyarakat.

Pusat Pemantapan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah (PEMASWAJA) , Akademi Islam mula beroperasi dengan lantikan Ahmad A'toa' Bin Mokhtar sebagai Ketua Pusat bermula pada 01 Februari 2015 bersamaan 11 Rabiulakhir 1436H



## PELANCARAN RESOURCE AREA

### OLEH A.C.E. MOVEMENT CLUB @ TESL LAJNAH, FAKULTI PENDIDIKAN

Pada 27 Februari 2015 bersamaan 8 Jamadil Awal 1435H, satu program yang dinamakan Pelancaran Resource Area oleh A.C.E. Movement Club atau TESL Lajnah, Fakulti Pendidikan telah berlangsung. Projek sudut bacaan yang berteraskan bahan bacaan ilmiah dalam Bahasa Inggeris khasnya dan bahasa pengantar lain amnya ini diwujudkan di ruang legar Fakulti Pendidikan oleh mahasiswa Diploma Perguruan TESL Semester 3 dan Semester 4 sesi II 2014/2015 sebagai salah satu penilaian kerja kursus.

Bagi menjayakan program ini, para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa jawatankuasa yang membantu mengoptimalkan tugas masing-masing dan memberi ruang untuk mereka saling belajar tentang cara menjayakan penganjuran satu-satu program. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan pada hari pelancaran tersebut ialah persembahan nyanyian, persembahan lakonan, dan pelancaran sudut bacaan.

Pelancaran projek ini selaras dengan misi Fakulti Pendidikan dalam melahirkan para pendidik yang berketrampilan, berwibawa serta mencapai martabat modal insan yang berkebolehan pada masa akan datang. Projek ini menjadi serampang dua mata yang bertujuan untuk mewujudkan suasana persekitaran sekolah di Fakulti Pendidikan selain bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan warga KUIS.

Projek ini juga merupakan salah satu inisiatif prihatin bagi membantu para mahasiswa dalam penguasaan kosa kata dan kemahiran bertutur, menulis serta membaca dalam Bahasa Inggeris. Maka, A.C.E Movement telah mengambil langkah-langkah sebagai satu usaha berterusan dalam membantu dan mempertingkatkan lagi kemahiran Bahasa Inggeris secara efektif dalam kalangan warga Fakulti Pendidikan khasnya dan warga KUIS amnya.

Projek mural juga dilaksanakan di kawasan Resource Area yang diharap dapat menceriakan suasana pembelajaran di luar bilik darjah dan seterusnya menggalakkan para pelajar untuk berfikir dengan kreatif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah nanti.

Diharapkan agar sudut bacaan ini akan menjadi sumber inspirasi semua pelajar dan tenaga pengajar dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan pada masa akan datang. Semoga sudut ini menjadi sedekah yang berterusan pahalanya kepada semua warga KUIS; seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a: Rasulullah S.A.W bersabda, " Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalnya kecuali tiga perkara : sedekah jariah, atau ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang berdoa untuknya." (Hadith Sahih - Riwayat Muslim).



Sesi mengecat sebelum hari pelancaran.



Puan Suhana Mohamed Lip sedang merasmikan papan kenyataan Ace Movement sambil diperhatikan oleh Ketua Jabatan Bahasa, Puan Julia Madzalan serta penasihat Ace Movement, Cik Natasha Ariffin.



Bergambar semasa sesi lawatan di sekitar Resoure Area. Turut kelihatan adalah Buletin Ace Movement edisi 1 iaitu Vibes.

## SENYUM ITU SEDEKAH, BERCAKAP PERKARA BAIK JUGA SEDEKAH

Perubahan demi perubahan rancak bergelora dalam arus pemodenan masa kini. Tak lain tak bukan mengejar berkaitan halal dan baik bagi pembangunan manusia sejagat. Tidak ketinggalan sapa menyapa antara insan yang berdiri diatas muka bumi mempunyai pelbagai tanggungjawab. Bermula di alam persekolahan mengelar diri sebagai pelajar, kemudian mahasiswa dan orang yang berkecimpung dalam bidang kerjaya mahupun masyarakat setempat.



Saban hari kita berselisih antara pelbagai masyarakat, bukan hanya di tempat kerja mahupun di masjid atau tumpuan orang ramai. Maka boleh diperhatikan dengan mata kasar, hanya segelintir sahaja yang sudi memberi senyuman di luar dari kawasan tempat kerja. Memberi senyuman tidak kira kepada sesiapa pun ketika bertemu mungkin dianggap perkara kecil atau remeh tetapi senyuman ikhlas yang diberikan itu mempunyai nilai sedekah kerana menimbulkan kegembiraan orang lain dan mengeratkan ukhwah sesama Muslim. Mengukir senyuman adalah kebaikan yang tidak memerlukan modal, namun ganjarannya besar dan begitu memberi kesan positifnya dalam kehidupan bermasyarakat.

Senyuman bukan sahaja membuatkan kita nampak menarik dan mesra serta mudah didekati, bahkan iaboleh memperbaiki emosi, mengurangkan tekanan perasaan dan fikiran malah mampu membantu merangsang sistem imun serta merendahkan tekanan darah. Selain itu, bersenyum juga menggalakkan badan menghasilkan hormon endorfin, penahan sakit semula jadi dan serotonin. Gabungan tiga hormon ini akan membuat dalam keadaan senang hati dan selesa.

Senyuman boleh dianggap sebagai ubat semula jadi. Tidak kurang dengan itu, senyuman juga akan membuatkan kita nampak lebih yakin dan secara tidak langsung mendorong kita menjadi individu lebih positif.

Tidak kurang dengan itu, sebagai seorang muslim yang beriman dan lagi bertaqwa amat penting untuk memelihara lidah supaya tidak tergolong penghuni neraka. Oleh itu, hendaklah memanfaatkan mulut dengan mengungkap bicara yang hanya memberi kebaikan buat diri dan orang sekeliling. Nabi juga amat menekankan kepada kepada umatnya untuk menggunakan kebijaksanaan dalam berbicara dan jika kita tidak mampu melakukan adalah lebih baik berdiam sahaja.

Malah, kepada sesiapa sekalupun, perlu juga ditanam dalam diri hanya sepotong perkataan jika mendatangkan manfaat ia adalah satu bentuk pahala kepada kita yang akan bertemu Allah SWT kelak. Berbicara dengan perlahan apa yang jelas, tidak terburu-buru sehingga apa yang diucapkan menjadi tidak jelas didengar oleh orang lain. Oleh yang demikian, ayuh kita bersama mengamalkan perkara yang telah termaktub dalam syariah Islam dalam pembangunan diri, agama serta bumi KUIS.



# KENALI RAKAN SEKERJA ANDA

## **ROSMAWATI MOHD YASIN (EMA), AKADEMI ISLAM**

No. Staf : 0090

Tarikh Mula Kerja : 01 Mac 1998

Bahagian semasa mula bekerja: Jabatan Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia  
Sekarang di kenali sebagai Bahagian Pengurusan Insan

Apakah sebab utama anda masih setia bersama KUIS?

Rakan-rakan sekerja yang selalu membantu dan suasana yang boleh mendidik diri supaya menjadi insan yang lebih berguna dan berjaya dunia & akhirat

Apakah pengalaman paling berharga semasa di KUIS?

Semestinya dapat menimba ilmu dunia dan ilmu akhirat. Di samping itu pengalaman beharga iaitu KUIS telah menganugerahkan saya Anugerah Khidmat Setia, Khidmat Cemerlang dan Khidmat Emas.

Bagaimana anda melihat KUIS 10 tahun akan datang?

Sudah pasti telah mendapat status universiti penuh & menjadi kebanggaan semua staf & pelajar KUIS

Harapan anda terhadap pelajar KUIS

KUIS terus melahirkan insan yang berjaya dunia & akhirat serta menjadi penerus dakwah Islam kepada ummah.



## **SITI ZAHARAH ABD HAMID (UMMI), AKADEMI ISLAM**

No. Staf: 0016

Tarikh Mula Kerja: Oktober 1996

Fakulti semasa mula bekerja: Sekolah Pengajian Islam KISDAR

Sebab utama masih setia bersama KUIS:

Kerana Ummi dapat merasakan Ummi sebahagian dari KUIS di samping persekitaran ukhuwah Islamiyah yang wujud di kalangan warga KUIS serta KUIS adalah wadah amal bakti Ummi kepada ummah Islamiyah

Pengalaman paling berharga semasa di KUIS:

Pengalaman berharga yang Ummi rasakan terutama ketika menapak bersama warga KISDAR pada awal penubuhannya. Dengan kehendak dan ketentuan Allah SWT di sini jugalah Ummi dapat anak. Ummi sayang anak-anak Ummi, pelajar dan staf. Dengan kehendak dan takdir Allah SWT, mungkin hanya di sini ..di KUIS

Bagaimana anda KUIS 10 tahun akan datang:

InsyAllah, dengan keikhlasan niat seluruh warga KUIS, usaha yang menepati panduan syariat Allah SWT dan sunnah Rasul Nya, KUIS berjaya menjadi sebuah Pusat Pengajian Tinggi Islam Bertaraf Dunia: Universiti Islam Wakaf Antarabangsa yang setanding dengan pusat-pusat pengajian tinggi Islam yang wujud dalam sejarah kegemilangan Islam. Semoga akan lahir kembali tokoh-tokoh seperti para Sahabat dan Sahabiyah RA, amin

Apakah harapan anda terhadap pelajar KUIS:

Pelajar adalah aset terpenting bagi ummah Islamiah. Berharap agar pelajar-pelajar lebih serius dalam menguasai ilmu dan memiliki pelbagai kemahiran di samping memastikan keakraban hubungan dengan Allah SWT dan RasulNya. Pastikan anda adalah Da'i, Ulama' & Umara'.

